

18 NOV 2000

Mahathir-Puas Hati

UMNO KINI LEBIH TERBUKA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpuas hati dengan hasil Perhimpunan Agung Khas Umno hari ini bagi meminda perlembagaan parti kerana ia telah menjadikan parti lebih terbuka kepada orang Melayu dan Bumiputera serta golongan muda di negara ini.

Beliau berkata Umno juga sedang berusaha untuk menarik lebih ramai golongan muda seperti yang dibuktikan dengan penubuhan Puteri Umno.

"Kita mahu membuka satu lagi pintu bagi membolehkan mereka menyertai parti lebih awal. Kita juga menggesa pihak Pemuda untuk berusaha bagi membawa masuk anggota pada peringkat umur lebih muda supaya mereka lebih memahami apakah tujuan Umno ditubuhkan dan objektifnya," kata Perdana Menteri pada sidang media di akhir persidangan sehari itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata bagi menarik anggota baru, cawangan-cawangan Umno tidak patut menolak pendaftaran mereka yang berminat menyertai parti kecuali mereka didapati tidak sesuai.

"Maksud kita ialah setiap orang berhak mendaftar sebagai anggota Umno. Jadi kita terbuka untuk lebih ramai orang (untuk menyertai Umno)," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira bahawa pindaan itu mendapat sokongan perwakilan dengan hanya sedikit perubahan.

Beliau berkata walaupun terdapat perbezaan pendapat, perkara yang paling penting ialah bahawa parti mematuhi kehendak majoriti.

"Tidak terdapat pecahan undi seperti dalam kes pilihan raya presiden Amerika Syarikat," katanya merujuk kepada ketidakpastian mengenai siapa yang akan menjadi presiden Amerika yang baru berikutan pertikaian dalam pengiraan undi.

Beliau berkata anggota parti telah diberikan peluang yang mencukupi sejak dari mula lagi untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai pindaan itu.

"Sehingga saat akhir, kita sedia terima perubahan tetapi hakikatnya ialah asas pindaan itu diterima," katanya.

Perhimpunan meluluskan 49 daripada 50 cadangan pindaan yang dibentangkan hari ini termasuk menyelaraskan pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi pada tahun yang sama iaitu setiap tiga tahun. Ia juga meluluskan penubuhan Puteri Umno untuk menarik penyertaan golongan muda.

Sebelum ini terdapat cadangan supaya pemilihan Majlis Tertinggi (MT) dan bahagian dilangsungkan mengikut penggal Parlimen iaitu sekali dalam masa lima tahun.

Mengenai peruntukan supaya mesyuarat peringkat berkenaan dikekalkan tiga tahun sekali, Dr Mahathir berkata anggota Umno telah memilih untuk mengambil pendirian sederhana mengenai perkara itu.

"Pada masa yang sama, mereka mengakui bahawa jika pemilihan parti dijalankan hampir dengan pilihan raya, ia tidak sihat. Oleh itu, MT dibenar menengguhkan pemilihan parti jika pilihan raya umum bakal diadakan," katanya.

Mengenai pindaan yang membenarkan pegawai kerajaan Kumpulan A memegang jawatan dalam parti, Dr Mahathir berkata pegawai terbabit masih perlu mendapat kelulusan daripada kerajaan berdasarkan Perintah Am.

"Kalau kerajaan bagi peluang kepada dia untuk bertanding, dia bertandinglah...Waktu ini kerajaan boleh sekat (kakitangannya daripada bertanding). Parti tak sekat," katanya.

Semasa ditanya sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda Perintah Am, beliau berkata "Pada masa ini, belum ada rancangan untuk berbuat demikian."

Mengenai usaha untuk membanteras politik wang dan rasuah dalam Umno, Dr Mahathir berkata walaupun wujud undang-undang parti, sesetengah orang masih cuba menyalahgunakan kedudukan mereka.

Malahan, katanya, undang-undang yang memperuntukkan hukuman mati pun tidak begitu berjaya dalam menghentikan sepenuhnya jenayah yang boleh disabitkan dengan hukuman mati.

"Jadi di sini, hukuman kita paling minimum. Paling tinggi pun mereka akan disingkir dari parti, mereka tidak akan dihukum gantung," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata Umno komited untuk bekerja dalam konteks Barisan Nasional dan gabungannya.

"Kita bukan ekstrimis dalam apa cara pun dan kita fikir objektif kita adalah memenuhi keperluan penduduk pelbagai kaum," katanya.

Pada sidang media yang sama, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemilihan peringkat bahagian tahun depan akan tetap diadakan.

Bagaimanapun, pemilihan parti selepas itu akan dibuat mengikut kehendak perlembagaan termasuk pindaan yang diterima hari ini.

Menyentuh sistem kuota pencalonan, Abdullah berkata ia perlu bagi menentukan calon yang ingin bertanding betul-betul layak dan mendapat sokongan sewajarnya daripada bahagian.

-- BERNAMA

MAM AKT RHM MAI